

'Henti aktiviti bakar emosi rakyat'

Sultan Nazrin titah ambil tindakan sekat pihak pengguna agama, kaum semai kebencian

Oleh Muhammad Zukyuzumi Sufian Sari
bhnews@b.h.com.my

Iph: Tindakan tegas dan segera wajib diambil bagi menghentikan aktiviti mana-mana pihak yang meracuni fikiran serta membakar emosi rakyat dengan mengeksploitasi isu agama dan kaum melalui pandangan ekstrem, titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Sultan Perak bertitah, pandangan ekstrem berunsur kaum dan agama berbentuk hasutan yang boleh menyebarkan rasa benci serta berpotensi mencetuskan pertentangan sesama warga wajib dihentikan.

Baginda bertitah, segala bentuk ancaman dan cabaran yang boleh mencetus pertelingkahan antara

kaum, agama dan ideologi politik hendaklah diuruskan dengan berikhlas dan bijaksana supaya penyelesaian jangka panjang berjaya dilahdan dicapai.

"Bumi ini tidak boleh dibenarkan urfuk disemai dengan rumpun-rumpun beracun yang boleh membunuh pohon perpaduan.

"Langit di negeri ini jangan sama sekali dibenarkan untuk di selubungi awan-awan berasid yang akan mengujani bumi dengan fahaman ekstremis berlandaskan perkauman dan berpaksikan agama," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah demikian pada Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Pertama Dewan Negeri Perak ke-15 di Dewan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini, semalam. Turut berangkat pada istiadat itu, Raja Permaisuri Perak, Tuanku ZaraSalim.

Titah baginda, banyak negara kerana rakyatnya memilih untuk berbalah, atas faktor perbezaan kasta, kaum, warna kulit dan agama.

Sultan Nazrin bertitah, keruikan perhubungan kaum yang diasaskan sejak era pramerdeka dan terus dipupuk sepanjang era pascamerdeka, tidak boleh diperjudikan kerana permainan politik yang bertunsur meracuni fikiran dan membakar emosi rakyat, melihatkan negara



Sultan Nazrin berkenan memeriksa kawalan kehormatan sempena Pembukaan Rasmi Tahun Pertama Dewan Negeri Perak ke-15, semalam. (Foto L.Manlimaran/BH)

ni yang sememangnya memiliki elemen begitu mudah dieksploitasi bagi mencetuskan anarki.

Titah baginda, banyak negara kerana rakyatnya memilih untuk berbalah, atas faktor perbezaan kasta, kaum, warna kulit dan agama.

Titah baginda, jika faktor perbezaan yang mahu diberikan fokus, masyarakat sebenarnya memilih menulis resipi untuk meahirkan warga yang akan berselisil, berkonflik, dan berpecah belah.

"Jika kita mahu memperbesar-

kan perbezaan, kita sebenarnya memilih membina tembok pemali untuk tidak memungkinkkan terbinanya masyarakat yang ber-satu, masyarakat yang menerima dan mawaikan perbezaan, masyarakat yang menghormati realiti kepelbagaian dan masyarakat yang melihat kepelbagaian secara positif yang mengandungi kekayaan dan kekuatan.

"Oleh itu, setiap individu berperanan memastikan hubungan harmoni antara kaum terus disuburkan dan persefahaman antara

pengikut pelbagai agama terus dipupuk," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah, corak kepemimpinan Rasulullah SAW ketika memupuk masyarakat pelbagai bangsa dan berlandaskan agama di Madinah, perlu dijadikan teladan termasuk fikmah tersirat di sebalik Perjanjian Hudaibiyah yang membuka jalan kepada pembebasan Makkah dan penyatuan pertubuhan orang Islam dengan Kaabah Arab lain yang membolehkan masyarakat hidup secara aman damai.